

PJ 6 Pintar 15 Ogos 2021

Pemukul hebat

Jawab soalan yang disediakan

1. Berikut merupakan strategi penting semasa anda ingin membuat pukulan **kecuali**

- A. Memukul tanpa berfikir panjang
- B. Sesuaikan kelajuan ayunan pukulan dengan kelajuan bola yang dibaling
- C. Tentukan masa yang tepat untuk membuat pukulan berdasarkan kelajuan bola yang dibaling

2. Apakah yang perlu anda buat sebagai pemukul sekiranya bola yang dibaling adalah laju?

- A. Pukul dengan lambat
- B. Pukul dengan cepat
- C. Pukul dengan teragak-agak

3. Untuk memegang pemukul, anda perlu memegangnya dengan dua tangan. Tangan dominan anda iaitu tangan yang selalu digunakan, di manakah kedudukannya yang tepat?

- A. kiri
- B. bawah
- C. atas

4. Apa yang terjadi pada pemukul sekiranya bola yang dipukul berjaya ditangkap sebelum mencecah tanah?

- A. terkeluar
- B. kekal dalam permainan
- C. mendapat mata

5. Bagaimanakah cara untuk pasukan pemukul untuk memperoleh mata?

- A. apabila bola dipukul berjaya ditangkap sebelum mencecah tanah
- B. apabila berjaya membuat larian selepas memukul bola
- C. apabila tidak berjaya membuat larian selepas memukul bola

6. Berikut merupakan cara untuk melakukan pukulan yang jauh dan sukar ditangkap, **kecuali**

- A. memukul bola di bahagian tengah bola
- B. memukul bola terlebih awal
- C. memukul bola pada masa yang tepat